

ANGKASA buka gerbang perdagangan dua hala koperasi antara negara

BERITA HARIAN (21/6/2022) page 7

Langkah strategik perluas pasaran, pertingkat pembangunan ekonomi

Kuala Lumpur: Penglibatan ANGKASA pada peringkat antarabangsa, bukan sesuatu yang baharu.

ia tidak mengambil masa yang lama untuk ANGKASA mempunyai kesedaran bahawa adalah perlu untuk koperasi di negara ini menjalankan kerjasama strategik dengan negara luar, bagi meluaskan pasarnya agar ia dapat berfungsi dengan lebih berkesan dalam menjalankan tanggungjawabnya terhadap anggota serta pembangunan ekonomi negara.

Abdullah, bakal bertemu figura penting dalam sektor koperasi sedunia bagi membincangkan kerjasama strategik yang dapat dijalankan dalam pelbagai bidang dan mengukuhkan lagi hubungan dua hala terutama dalam urusan perdagangan.

Misi ANGKASA tetap satu iaitu mewujudkan peluang kerjasama dan perniagaan yang boleh disertai oleh gerakan koperasi peringkat antarabangsa dan meningkatkan import eksport antara negara.

Persidangan yang bertemakan *ICA Cooperatives: The Moment Is Now!* menghimpunkan pemimpin koperasi dari 112 negara dan ini adalah peluang yang sangat baik untuk ANGKASA berbincang dan mengeratkan lagi hubungan pada peringkat antarabangsa.

Dasar dan hala tuju gerakan koperasi dibincangkan agar dapat menyediakan ruang yang kondusif untuk koperasi bergerak dalam landskap ekonomi yang berubah



Abdul Fattah (duduk, tengah) bergambar bersama kepimpinan tertinggi ANGKASA ketika menghadiri Perhimpunan Agung Ikatan Koperasi Antarabangsa, ICA Elective General Assembly dan Persidangan "Cooperatives: The Moment Is Now!" 2022 di Seville, Sepanyol.

pada 2030 dan sudah pasti ini antara satu caranya," katanya.

Usaha pengantarabangsaan gerakan koperasi ini selari dengan

dapan terdiri daripada kalangan profesional dan bijak pandai.

Kewangan islamik, produk halal dan koperasi kariah masjid turut

gara bagi menangani pelbagai isu.

Lapan Sektor Pembangunan Perniagaan Koperasi dibangunkan dengan mengambil kira impaknya

Justeru, pada 1972, ANGKASA mengambil keputusan untuk menyertai Ikatan Koperasi Antarabangsa (ICA), sebuah badan yang disertai oleh gerakan koperasi di seluruh dunia.

Keputusan ini dibuat selepas mendapat keputusan sebulat suara pada Persidangan Kebangsaan Tahunan ANGKASA (PKTA) yang pertama pada Julai 1971.

Semenjak itu, keterbabitkan ANGKASA pada peringkat antarabangsa terus diperkukuh sehingga peranannya diperakui gerakan koperasi luar negara di mana model koperasi di Malaysia turut menjadi rujukan dalam pelbagai sektor.

Pada masa ini ANGKASA sedang mengikuti Perhimpunan Agung Ikatan Koperasi Antarabangsa, ICA Elective General Assembly dan Persidangan 'Cooperatives: The Moment Is Now!' 2022 yang dianjurkan pada 19 hingga 22 Jun 2022.

Delegasi yang diketuai Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), Tan Sri Noh Omar, yang diiringi Presiden ANGKASA, Datuk Seri Dr Abdul Fattah

dengan pesat. Apa yang penting ANGKASA juga mengambil peluang ini bagi memastikan gerakan koperasi dapat mengambil bahagian dan meningkatkan keterbabitkan dalam perdagangan antarabangsa.

Memorandum Persefahaman (MoU) juga baru sahaja ditandatangani oleh ANGKASA dan koperasi terbaik dunia iaitu Indian Farmer Fertilizer Cooperative Organization (IFFCO) berkenaan pembekalan baja nano ke Malaysia, bakal memberi manfaat khususnya kepada koperasi dan sektor pertanian serta industri asas tani negara kerana kosnya yang lebih rendah dan penggunaan yang mesra alam.

Abdul Fattah yang juga Presiden ASEAN Co-operative Organization (ACO), berkata ANGKASA semanginya komited dalam meneroka peluang seperti ini di mana kita hendak tingkatkan lagi pembabitkan koperasi pada peringkat antarabangsa.

"Ini sejajar dengan hasrat kerajaan untuk melihat gerakan ini mencapai perolehan RM100 bilion

matlamat penubuhannya mengikut Undang-Undang Kecil (UUK) ANGKASA (Pindaan 2010) yang mana ANGKASA berperanan menyatukan semua koperasi dalam Malaysia; mewakili Gerakan Koperasi Malaysia pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa; memperjuang, mengawasi dan menjaga kepentingan dan pembangunan koperasi ahli dan Gerakan Koperasi amnya serta memudahkan operasi koperasi ahli.

Hasil usaha ANGKASA pada peringkat antarabangsa selama ini ternyata berjaya membuka mata banyak pihak mengenai kejayaan gerakan koperasi di negara ini.

Koperasi sekolah misalnya menjadi contoh kerana ia dapat memupuk nilai serta daya kepimpinan khususnya dalam keusahawanan koperasi sejak di bangku sekolah.

Sebanyak 14 koperasi sekolah yang mencapai perolehan melebihi RM1 juta adalah satu kejayaan yang harus dibanggakan dan ini menunjukkan kita berada pada landasan tepat bagi memastikan kepemimpinan koperasi masa ha-

menjadi rujukan koperasi negara luar dan ini adalah peluang yang tidak harus disia-siakan oleh gerakan koperasi di negara ini.

Peluang untuk terbabit dengan perdagangan antara negara ini akan ANGKASA galas tanggungjawabnya kerana potensi yang ada sememangnya amat besar dan perlu dilaksanakan bersama.

Peluang ini juga terbuka luas kerana semua pemimpin ANGKASA menggalas jawatan dalam pelbagai jawatankuasa pada peringkat global.

Presiden ANGKASA yang juga Presiden ACO turut dilantik sebagai Naib Presiden Ikatan Koperasi Antarabangsa Asia dan Pasifik (ICA-AP).

Anggota Lembaga ANGKASA yang lain mempunyai tugas dan tanggungjawab dalam pelbagai sektor yang dapat membantu untuk meningkatkan *visibility* gerakan induk pada peringkat dunia.

Pada peringkat domestik, ANGKASA turut memainkan perannya untuk membabitkan koperasi dalam pelbagai sektor berimpak tinggi yang dilihat membantu ne-

negara membangun negara dari pelbagai sudut. ANGKASA sedar tidak semua koperasi ada kepakaran atau kemampuan dari segi kewangan, maka Cooperative Empowerment Program (CEP) dijalankan di bawah semua sektor yang mana ANGKASA bekerjasama dengan pihak yang mempunyai kepakaran dalam membangunkan sesuatu projek atau secara inku-basi.

Apabila projek berkenaan stabil maka ia ditawarkan untuk diuruskan oleh koperasi yang berminat dan berkemampuan. Langkah ini diambil bagi mengurangkan peluang kegagalan sesuatu projek dan kerugian kepada pihak koperasi.

"ANGKASA bertindak sebagai pemudah cara sesuai dengan peranannya sebagai badan apeks gerakan koperasi negara yang menyatu dan mewakili koperasi peringkat nasional dan antarabangsa selaras Aspirasi Koperasi Malaysia dan Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TransKoM) 2021-2025 serta Dasar Keusahawan Nasional (DKN) 2030," kata Abdul Fattah.



Noh (berdiri, tengah) menyaksikan MoU yang ditandatangani Abdul Fattah (duduk, dua dari kiri) dan Pengarah Pemasaran IFFCO, Yogendra Kumar (duduk, dua dari kanan).



Abdul Fattah (tengah) bersama Presiden ICA, Ariel Guarco (kanan) dan Anggota Lembaga ANGKASA merangkap Anggota Lembaga ICA, Datuk Kamarudin Ismail ketika sesi 'Meet and Greet' di Seville, Sepanyol.